

'Sekatan'

Punca banjir Selangor tak selesai

RUWAIDA MD ZAIN

SHAH ALAM – Kerajaan Negeri mendakwa Kerajaan Pusat menyekat peruntukan bagi menyelesaikan masalah banjir di Selangor.

Exco Kerajaan Tempatan, Kajian dan Penyelidikan, Ronnie Liu berkata, Kerajaan Negeri dimaklumkan, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) memohon RM1 bilion daripada Kerajaan Pusat bagi mengatasi masalah ini terutamanya bagi menjalankan kerja pengurusan, pembersihan dan penyelenggaraan sungai.

Menurutnya, peruntukan tersebut dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) tetapi mendukacitakan apabila permohonan tersebut dianggap tidak penting oleh Kerajaan Pusat malah permohonan dikategorikan sebagai permohonan tahap ketiga.

"Meskipun ada seorang menteri dari Selangor iaitu Noh Omar (Datuk Seri) tetapi beliau gagal menekankan kepentingan dana RM1 bilion diturunkan ke Selangor. Beliau bukan sahaja gagal memastikan peruntukan disalurkan malah beliau cuba menyalahkan pegawai dan kakitangan JPS.

"Persoalannya, bagaimana JPS mampu melaksanakan tugas dengan baik jika Kerajaan Pusat menyekat peruntukan ini dan Noh Omar pula tidak melihat peruntukan ini penting kepada rakyat Selangor khususnya di daerah Klang," katanya.

Ronnie berkata, memperkecilkan kakitangan JPS bukan jalan terbaik menyelesaikan masalah banjir tetapi malangnya apabila berlaku musibah seperti bencana alam seperti ini, pemimpin Barisan Nasional (BN) tanpa usul periksa menyalahkan kakitangan kerajaan.

Beliau berkata, jika Noh ikhlas membantu rakyat Selangor, beliau perlu mendesak Kerajaan Pusat menyalurkan segera peruntukan RM1 bilion kepada JPS supaya masalah banjir dapat diatasi segera.

"JPS bertanggungjawab menyelesaikan masalah banjir. Namun begitu, JPS adalah jabatan persekutuan di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Oleh itu, dana dan peruntukan



RONNIE LIU

pengurusan dan pembangunan adalah datangnyanya dari Kerajaan Pusat.

"Peruntukan untuk JPS di Selangor dimasukkan dalam RMK-10 manakala Kerajaan Negeri hanya bertanggungjawab kepada pembayaran gaji pegawai dan kakitangan JPS yang bekerja di negeri ini," katanya.

Katanya, tuduhan Noh yang menyalahkan Kerajaan Negeri ekoran kejadian banjir kilat di Klang baru-baru ini menunjukkan mentaliti pemimpin Umno-BN yang sentiasa mempolitikkan isu tetapi tidak memberi sebarang idea untuk penambahbaikan dan menyelesaikan masalah.

"Malaysia beriklim khatulistiwa yang menerima hujan lebat melebihi 2000mm setahun. Justeru, masalah banjir perlu diatasi secara holistik oleh Kerajaan Pusat dan mana-mana Kerajaan Negeri.

"Ini bermakna semua urusan pembangunan dan pengurusan sungai adalah tanggungjawab Kerajaan Pusat termasuk kerja-kerja tebatan banjir.

Bagaimanapun katanya, menyedari masalah banjir adalah besar maka sejak 2008 Kerajaan Negeri menguatkuasakan peraturan bahawa sebarang projek pembangunan perlu dibuat mengikut kejadian dataran banjir 50 tahun.

"Ini berbeza dengan amalan pentadbiran negeri terdahulu yang tidak mengikut dataran banjir 50 tahun. Kerajaan Negeri terdahulu juga tidak mempunyai pelan pembangunan teratur. Justeru, banjir kilat baru-baru ini merupakan hasil dari produk pembangunan yang dilakukan oleh mereka," katanya.